KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	29.06.22	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	TNB			

Bisnes



TNB perlu menumpukan sumber tenaga boleh baharu seperti solar, hidro dan biobahan api dalam tempoh jangka panjang.

TUMPU TENAGA BOLEH BAHARU

TNB disyor pelbagaikan sumber alternatif gas, arang batu

Bernama

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Bhd (TNB) digesa untuk terus mempelbagaikan sumber gas dan arang batu bagi mengekalkan aliran tunainya dalam persekitaran kenaikan mendadak harga bahan api serta kos penjanaan elektrik, kata penganalisis.

Malah, TNB juga perlu menumpukan sumber tenaga boleh baharu seperti solar, hidro dan biobahan api dalam tempoh jangka panjang, kata Penganalisis Ekonomi Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latif.

"Saya yakin TNB sudah memulakan usaha untuk melabur dalam tenaga boleh baharu, terutama yang menyediakan peluang pertumbuhan baharu.

"Ini jelas terbukti dalam pelan strategiknya bagi tempoh 30 tahun dengan sasaran 2025 bagi mewujudkan skala penjanaan tenaga tenaga boleh baharu dan meningkatkan kecekapan loji terma yang seterusnya mencapai pelepasan karbon sifar bersih serta bebas arang batu menjelang 2025," katanya.

Ahmed Razman berkata TNB juga pada masa ini sudah mengambil alih beberapa syarikat tenaga boleh baharu dan mula memberi tumpuan ke atas hidrogen hijau, selain pengeluaran tenaga berteraskan solar dan hidro.

Menurutnya, walaupun ini satu strategi baik, ia sebaliknya mengambil tempoh lama untuk memberi impak besar kerana TNB memerlukan masa bagi menggantikan loji penjanaan berasaskan arang batu dan gas yang memakan modal perbelanjaan yang tinggi.

Sementara itu, berkongsi pandangan sama, Profesor Penyelidikan dan Inovasi Malaysia University of Science and Technology (MUST) Profesor Geoffrey Williams berkata, TNB mempunyai strategi tenaga boleh baharu yang jelas tetapi perkembangannya agak perlahan akibat aspek ketersediaan teknologi serta kos berkaitan.

"Ada kemungkinan pergantungan terhadap arang batu dan gas ini akan terus wujud sekitar 70 peratus walaupun bagi tempoh 20 tahun akan datang.

"TNB sebaliknya boleh dan sedang melabur dalam peluang bekalan bagi baki 30 peratus, tetapi jika ini meningkat sekali pun, ia masih minoriti dalam perniagaan itu," katanya.

Menurutnya, laporan tahunan TNB pada 2020 menunjukkan lebih daripada 95 peratus penjanaan tenaga TNB adalah bersumberkan arang batu dan gas.

"Ini bukan sahaja buruk untuk alam sekitar, tetapi turut menyebabkan kos yang tinggi berikutan lonjakan harga minyak dan gas yang ketara.

"Masalahnya, sumber tenaga boleh baharu ini pula tidak dapat mengatasinya dengan pantas kerana penjanaan tenaga itu sendiri merupakan satu pelaburan jangka panjang," katanya.

Williams berkata, selain daripada pelaburan dalam alternatif bekalan gas dan arang batu, TNB juga perlu memberi tumpuan terhadap permintaan penggunaan meter pintar dan analisis data untuk memahami permintaan secara lebih tepat.